

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini kes inkues Mohd Adib bin Abu Kasim dan apakah status siasatan kes kematian Mejar Mohd Zahir Armaya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019 telah memutuskan bahawa punca kematian anggota bomba iaitu Muhammad Adib Bin Mohd Kassim bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua orang atau lebih saspek. Berdasarkan keputusan tersebut, pihak polis masih menunggu arahan daripada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

Berhubung kes kematian Mejar Mohd Zahir Bin Armaya pula, pihak polis menjalankan siasatan berkait laporan polis Putatan Repot 5134/19 bertarikh 4 September 2019 di bawah Seksyen 304a Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah pada 10 September 2019 dan arahan lanjut telah diberikan untuk tindakan pegawai penyiasat. Setakat ini seramai 23 rakaman percakapan telah direkodkan dan siasatan masih diteruskan untuk melengkapkan kertas siasatan.